

PENGETAHUAN BERKENAAN KONTRAK SOSIAL DI MALAYSIA: SATU KAJIAN KES TERHADAP MASYARAKAT DI MEDIA SOSIAL

Khadijah Muda, Siti Nor Azhani Mohd Tohar, Latifah Ab. Latiff

Pusat Pengajian Teras & Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia

khadijahmuda@usim.edu.my

ABSTRAK

Tujuan kajian ini adalah untuk mengetahui sejauh mana masyarakat Malaysia di media sosial mengetahui berkenaan kontrak sosial dan sikap cakna mereka terhadap isu-isu yang mencetuskan perasaan tidak puas hati orang Melayu dan bukan Melayu. Secara terperinci objektif kajian adalah untuk 1) mengenal pasti sejauh mana masyarakat Melayu di media sosial memahami berkenaan kontrak sosial, 2) mengetahui sejauh mana masyarakat Melayu di media sosial cakna terhadap isu-isu yang melibatkan kemarahan orang Melayu dan bukan Melayu, 3) mengetahui sejauh mana informan bersetuju kewajaran kontrak sosial dikekalkan, dan 4) mengetahui masyarakat Melayu di media sosial berkenaan cara untuk menyatupadukan kaum di Malaysia. Kaedah metodologi menggunakan pendekatan kualitatif iaitu soalan terbuka melalui google form kepada lapan orang informan. Informan dipilih secara snow-ball iaitu yang mempunyai pengetahuan berkaitan kontrak sosial. Hasil analisis menunjukkan masyarakat Melayu di media sosial majoritinya faham bahawa kontrak sosial adalah tolak ansur antara orang Melayu dan bukan Melayu. Semua informan bersetuju bahawa kontrak sosial memang wajar dikekalkan dan tiada istilah wajar atau tidak wajar kerana ianya berbentuk persefahaman bersama dan satu bentuk proses sosial yang positif. Pelbagai cadangan yang dicadangkan dalam penyatupaduan masyarakat pelbagai kaum di Malaysia.

PENGENALAN

Kontrak sosial merupakan satu persefahaman dan kata sepakat antara wakil pemimpin-pemimpin utama etnik sebelum kemerdekaan Tanah Melayu dicapai (Abd. Manaf Hj Ahmad, 2009; Mohd Rizal Yaakop & Shamrahayu A. Aziz, 2014). Setelah enam dekad mencapai kemerdekaan, masyarakat hari ini kian pudar semangat penghayatan terhadap kontrak sosial yang telah sekian lama disepakati (Ikhsan & Ahmad, 2014). Kontrak sosial merupakan antara asas kepada perpaduan antara kaum. Kesepakatan yang telah sekian lama dipersetujui bersama ini perlu diketahui, difahami, diterima dan dihayati oleh masyarakat hari ini untuk mengekalkan keharmonian yang ada.

Maka atas dasar ini, artikel ini akan mengupas pengetahuan masyarakat berkenaan kontrak sosial menggunakan kaedah kajian kes.

TUJUAN KAJIAN

1. Untuk mengenal pasti sejauh mana masyarakat Melayu di media sosial memahami berkenaan kontrak sosial.

2. Untuk mengetahui sejauh mana masyarakat Melayu di media sosial cakna terhadap isu-isu yang melibatkan kemarahan orang Melayu dan bukan Melayu.
3. Untuk mengetahui sejauh mana informan bersetuju kewajaran kontrak sosial dikekalkan.
4. Untuk mengetahui cadangan masyarakat Melayu di media sosial berkenaan cara untuk menyatupadukan kaum di Malaysia.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu melalui kaedah temubual bersama informan yang dipilih secara *snow-ball*. Informan yang dipilih adalah dalam kalangan masyarakat Melayu di media sosial yang dikenalpasti sebagai orang yang mengetahui berkenaan kontrak sosial serta tahu serba sedikit mengenai isu semasa. Informan kajian ini terdiri daripada masyarakat Melayu yang bekerja dan berada dalam lingkungan umur 30 tahun hingga 50 tahun iaitu golongan masyarakat yang telah dianggap matang dalam hidup serta boleh berfikir secara rasional berkenaan dengan perpaduan kaum di Malaysia. Kelompok ini dipilih bagi mengetahui sejauh mana masyarakat golongan pertengahan yang berada dalam media sosial cakna dengan isu-isu berkaitan perpaduan kaum. Kaedah pengumpulan data adalah secara atas talian menggunakan google form dan soalan yang diberikan berbentuk *open-ended*. Data yang dikumpul ditranskripsi dan dikodkan serta disusun mengikut tema secara manual.

HASIL DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini akan menghuraikan tentang latar belakang informan secara ringkas serta menjawab persoalan kajian iaitu kefahaman informan tentang kontrak sosial, kewajaran kontrak sosial dikekalkan menurut informan, isu-isu semasa yang membangkitkan kemarahan orang Melayu dan bukan Melayu menurut informan dan akhir sekali cadangan informan dalam menyatupadukan kaum di Malaysia.

4.1. Latar belakang ringkas informan

Informan kajian ini terdiri daripada 8 orang etnik Melayu yang bekerja sebagai pengurus, guru, pensyarah dan bekerja sendiri. Informan yang termuda adalah 37 tahun dan paling berusia adalah 48 tahun. Jadual di bawah merupakan latar belakang informan secara ringkas.

Informan	Umur	Pekerjaan
A	46	Pengurus sumber manusia
B	48	Guru
C	44	Pengurus
D	44	Pengurus projek IT
E	44	Kerja sendiri
F	37	Guru
G	43	Pensyarah
H	45	Pensyarah

Kelapan-lapan informan kajian biasa berinteraksi dan berhubung dengan etnik bukan Melayu. Informan dalam kajian ini yang bekerja sebagai pengurus ketiga-tiganya mempunyai penglibatan interaksi dengan bukan Melayu kerana pengarah syarikat dan pelanggan-pelanggannya ada yang terdiri daripada bukan Melayu seperti Cina dan India. Informan yang bekerja sebagai guru dan pensyarah juga biasa berhubung dengan bukan Melayu kerana mempunyai rakan kerja dari kalangan Cina dan India. Informan yang kerja sendiri juga biasa berinteraksi dengan bukan Melayu kerana pernah berpengalaman kerja di kilang dengan bukan Melayu. Selain itu informan kajian juga ada yang pernah mempunyai rakan sekelas dan pernah mengajar pelajar dari kalangan Cina dan India. Maka dapat dirumuskan bahawa semua informan kajian biasa mempunyai interaksi dengan etnik selain Melayu.

4.2. Kefahaman Informan tentang Kontrak Sosial

Secara keseluruhannya semua informan tahu apa yang dikatakan kontrak sosial namun boleh dikategorikan sebagai pengetahuan yang tidak mendalam. Hasil daripada analisis ringkas ini, kontrak sosial yang difahami oleh informan boleh dihuraikan seperti berikut:-

4.2.1 Tiada dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia

Istilah kontrak sosial memang tidak ditulis secara bertulis dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia, dan hal ini menunjukkan bahawa ramai informan tahu tentang hal ini. Informan G menyatakan bahawa

“....sebenarnya tidak wujud secara khusus tentang kontrak sosial ini sekalipun dalam perlembagaan.” (informan G).

Sama seperti informan G, informan H turut berpendapat

“....tidak tertulis pada mana mana dokumen.” (Informan H).

Ini menunjukkan bahawa dua dari lapan informan mempunyai pengetahuan berkaitan kontrak sosial dengan lebih mendalam berbanding informan lain. Perkataan kontrak sosial tidak disebut dalam mana-mana dokumen, namun kontrak sosial ini merujuk kepada empat perkara yang telah termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan iaitu bahasa Melayu, Islam, sistem beraja dan hak istimewa orang Melayu dan bumiputera. Walaupun perkataan kontrak sosial tidak ditulis, namun isi kandungannya ditulis dengan jelas dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia.

4.2.2 Perjanjian antara kaum

Informan A, B dan H memberikan jawapan seperti berikut:-

“ Muafakat antara kaum “ (Informan A).

“ Perjanjian awal selepas kemerdekaan antara kaum-kaum utama di Malaysia “ (Informan B).

“ Bentuk persefahaman antara kaum Melayu dan bukan Melayu dalam bentuk mutual understanding..” (Informan H).

Kontrak sosial merupakan hasil perjanjian antara wakil-wakil pemimpin kaum terdahulu berkenaan dengan hak istimewa orang Melayu dan bumiputera serta hak-hak etnik bukan Melayu yang berada di Malaysia. Pemuafakatan ini merupakan antara kunci penyatupaduan kaum sehingga kini.

4.2.3 Saling menghormati dan memahami

Kontrak sosial merupakan hasil pemuafakatan dan persefahaman antara kaum. Setiap kaum tidak kira kaum Melayu atau bukan Melayu perlu saling menghormati dan mamahami hak masing-masing sebagai rakyat Malaysia yang mempunyai hak masing-masing. Informan-informan kajian menyatakan bahawa setiap kaum mempunyai hak yang perlu dihormati. Jawapan-jawapan yang diberikan informan adalah seperti berikut:-

“... Adanya hak istimewa orang melayu bumiputra tapi hak bangsa lain juga dihormati. Hak raja melayu, tanah rehab melayu.” (Informan A).

“ Pihak bukan bumiputera hendaklah menghormati perkara-perkara berkenaan dengan hak bumiputera.” (Informan E).

“ Saling hormat menghormati hak masing-masing kaum...” (Informan G).

“ Bentuk persefahaman antara kaum melayu dan bukan melayu dalam bentuk *mutual understanding*....” (Informan H).

4.2.4 Hak istimewa orang Melayu

Rata-rata infoman menyatakan bahawa kontrak sosial adalah berkaitan dengan hak istimewa orang Melayu. Informan A menyatakan kontrak sosial adalah

“Adanya hak istimewa orang melayu bumiputra tapi hak bangsa lain juga dihormati...’ (Informan A).

Begitu juga dengan informan D yang menjawab secara ringkas bahawa kontrak sosial adalah adalah
“ Hak keistimewaan org melayu” (Informan D).

Hasil daripada jawapan informan ini menggambarkan bahawa sebahagian informan hanya memahami secara luaran berkenaan kontrak sosial. Walaupun ada yang memahami secara mendalam, namun majoritinya memahami apa itu kontrak sosial hanyalah sekadar sebuah pemuafakatan yang melibatkan hak orang Melayu. Sedangkan kontrak sosial bukan sekadar hak orang Melayu, malah melibatkan juga sistem beraja, agama Islam dan bahasa Melayu tanpa mengetepikan hak kaum lain di Malaysia.

4.3 Kewajaran kontrak sosial dikekalkan

Kelapan-lapan informan bersetuju agar kontrak sosial yang telah termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan ini dikekalkan demi kestabilan, kesejahteraan sejagat dan ekonomi yang stabil. Namun, jawapan daripada informan E, F dan G menarik untuk dikongsi iaitu informan menyatakan bahawa wajar dikekalkan untuk melindungi kepentingan hak bumiputera kerana pada akhir-akhir ini kaum bukan bumiputera telah mula mencampuri hal berkaitan kelebihan kaum bumiputera. Kontrak sosial ini juga perlu garis panduan yang lebih terperinci agar tidak menggugat ketuanan Melayu.

“Wajar dikekalkan untuk melindungi kepentingan hak bumiputera, kerana jika dilihat buat masa kini, kaum bukan bumiputera telah berani mencampuri hak-hak kelebihan bumiputera seperti dalam bidang pendidikan serta agama(hudud).” (Informan E).

“Wajar tetapi perlu ada satu garis panduan dengan jelas dan tidak menggugat ketuanan melayu” (Informan F).

Informan H menyatakan bahawa tiada istilah wajar diteruskan atau tidak kerana kontrak sosial adalah suatu bentuk pemahaman yang dikongsi bersama antara Melayu dan bukan Melayu. Selagi mana pemahaman atau pemuafakatan ini difahami oleh kedua-dua pihak, maka kontrak sosial ini akan tetap berlangsung. Walau bagaimana pun jika wujud perasaan tidak percaya dan prejudis antara Melayu dan bukan Melayu maka ia akan menipiskan batas pemahaman ini dan mengganggu kontrak sosial yang telah disepakati.

“Kontrak sosial bukan suatu bentuk undang undang bertulis atau suatu dasar yang jelas. Oleh kerana kontrak sosial adalah suatu mutual understanding, maka selama mana sifat mutual, persefahaman dan toleransi wujud dalam masyarakat pelbagai, ia akan terus berlansung. Sebaliknya jika wujud perasaan distrust, prejudice, ia secara perlahan lahan akan menipiskan mutual tersebut, jadi tiada istilah wajar diteruskan atau sebaliknya kerana ia adalah suatu proses sosial yang positif dalam hubungan masyarakat di Malaysia, bukan petaturan atau dasar negara.” (Informan H).

4.4 Isu-isu yang membangkitkan kemarahan orang Melayu dan bukan Melayu

Isu-isu yang membangkitkan kemarahan orang Melayu dan bukan Melayu yang dijawab oleh informan adalah terdiri daripada isu-isu yang berkaitan dengan hak bumiputera, hak Islam sebagai agama rasmi, hak bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, sistem beraja dan sebagainya. Berikut merupakan senarai isu-isu yang disenaraikan informan iaitu isu tulisan jawi, isu azan, isu ketidaksamaan pengahihan kekayaan negara, isu pengambilan pekerja syarikat Cina, isu penghinaan antara agama, isu arwah Adib, isu ICERD, isu Waythamoorthy, isu penentangan kuota dalam sistem pendidikan oleh bukan Melayu, isu agama Islam seperti hudud dan pertukaran agama, isu penghinaan Sultan-sultan dan institusi diraja, isu penipuan produk halal, isu hak kerakyatan, isu sekolah vernekular, isu kalimah Allah, isu Low Yat, isu dobi muslim, isu bendera terbalik dan isu hartanah bumiputera dan bukan bumiputera.

Selain daripada jawapan yang disenaraikan ini, informan H menyatakan bahawa isu utama yang membangkitkan sentimen perkauman adalah isu perbezaan. Penekanan terhadap perbezaan ini menyebabkan perasaan benci semakin meruap. Kebencian ini ditunjukkan melalui perlakuan masyarakat.

“Isu utama yang membangkitkan sentimen perkauman adalah isu" perbezaan ". Berbeza daripada aspek agama, bahasa, budaya, ras/bangsa serta jurang ekonomi. Selain itu sifat meraikan perbezaan menyebabkan sentimen kebencian semakin berkembang. Kebencian itu diterjemahkan dalam realiti perhubungan semasa dgn peristiwa seperti, isu kalimah allah, isu low yat, isu dobi muslim, isu bendera terbalik, dan banyak lagi.” (Informan H).

4.5 Cadangan untuk menyatupadukan kaum di Malaysia

Akhir sekali adalah cadangan informan dalam menyatupadukan kaum di Malaysia. Hasil daripada jawapan informan dapat dirangkumkan dalam beberapa tema iaitu hormati Perlembagaan Persekutuan, mansuhkan sekolah vernakular, pendidikan satu aliran, mendidik masyarakat berfikir dan meneruskan dasar perpaduan negara.

Hormati Perlembagaan Persekutuan

Hanya informan A yang mencadangkan agar semua rakyat Malaysia perlu menghormati Perlembagaan Persekutuan Malaysia yang telah digubal secara rasminya pada tahun 1957. Berikut merupakan jawapan yang diberikan informan A:

“ Semua pihak perlu hormati perlembagaan yang telah dipersetujui semasa merdeka” (Informan A).

Perlembagaan Persekutuan Malaysia merupakan asas kepada perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia. Apabila semua pihak menghormati apa yang telah termatub dalam perlembagaan dengan hati yang lapang tanpa ada rasa yang negatif, maka agenda penyatupaduan akan mudah dilakukan.

Mansuhkan sekolah vernakular

Informan B, C dan D mencadangkan agar dimansuhkan sekolah vernakular agar sikap perkauman dapat dikurangkan dan interaksi antara kaum dapat diwujudkan dengan lebih erat.

“ Mansuhkan sekolah vernakular..” (Informan B).

“ Sekolah kebangsaan shj tiada vernakular.” (Informan C).

“ Hapuskan sekolah vernacular” (Informan D).

Daripada cadangan yang diterima ini jelas menunjukkan 3 daripada 8 informan merasakan bahawa kewujudan sekolah vernakular ini seakan-akan menjadi penyebab kepada wujudnya sikap prejudis, perkauman dan perasaan-perasaan negatif dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Ini kerana, sekolah vernakular majoritinya terdiri daripada satu kaum sahaja. Namun, bagaimana pula dengan sekolah agama yang juga majoritinya terdiri daripada kaum juga? Walaupun hampir separuh informan yang mencadangkan agar sekolah vernakular dimansuhkan, namun perlu diperhalusi semula sejarah pembinaan sekolah vernakular. Dasar pecah dan perintah British membawa kepada sekolah berbentuk vernakular dan setiap kaum kekal dengan budaya dan pendidikan masing-masing. Setiap sekolah diuruskan oleh kaum masing-masing dengan sistem pembelajaran sendiri. Walaupun hari ini pelbagai dasar pendidikan telah diperkenalkan seperti Laporan Razak 1956, Ordinan Pelajaran 1957, Laporan Rahman Talib 1960 dan Akta Pelajaran 1961, namun sistem pendidikan di sekolah vernakular masih lagi dilihat berbentuk etnosentrisme.

Pendidikan satu aliran

Informan E dan H mencadangkan agar sistem pendidikan di Malaysia menggunakan sistem pendidikan yang sama dan bahasa Melayu sebagai bahasa perantaraan. Elemen perpaduan harus

diberikan penekanan agar semua pelajar mempunyai semangat cintakan negara dan semangat bersatu padu yang tinggi.

“ Pendidikan yang sama bagi semua kaum dalam satu sistem, yang mana semua menggunakan bahasa melayu sebagai pengantaraan serta memberikan lebih banyak pendidikan berkenaan perpaduan.” (Informan E).

Para pelajar juga seharusnya didedahkan tentang semua kaum di Malaysia dan agama-agama yang ada di Malaysia agar mereka peka dan sensitif dengan perkara yang melibatkan agama, budaya dan kepercayaan serta pantang larang masing-masing.

“ Membina sistem pendidikan satu aliran. Menyediakan suatu modul/kurikulum bagi memahami agama agama lain juga.” (Informan H).

Mendidik masyarakat berfikir

Tema seterusnya yang dicadangkan oleh informan adalah mendidik masyarakat berfikir agar bersatu padu dalam kehidupan yang lebih harmoni. Informan F mencadangkan agar diwujudkan garis panduan kepada masyarakat untuk dipatuhi dalam kehidupan yang terdiri dari masyarakat pelbagai. Masyarakat perlu dididik untuk bersikap toleransi antara kaum lain.

“Perlu ada garis panduan dan toleransi” (Informan F).

Informan G dan H pula mencadangkan agar pendedahan awal harus diberikan kepada pelajar dan masyarakat di awal persekolahan lagi berkenaan dengan pengetahuan asas setiap etnik dan agama di Malaysia terutama dari segi pantang larang agar perkara sensitif tidak disentuh. Sifat ekstrim harus dihindari daripada menjadi amalan dalam diri masyarakat.

“Memberi pendedahan awal kepada murid sekolah dn juga pendedahan umum kepada orang ramai dr masa ke semasa.” (Informan G).

“Membangunkan kurikulum bersifat konstruktive ke arah pemupukan nilai harmoni dan kebersamaan dalam hidup. Mendidik masyarakat secara menyeluruh tentang gaya berfikir secara sederhana, tidak menjurus kepada Perspektif A atau B sahaja bagi mengelak sifat berfikir secara ekstrim dalam kehidupan.” (Informan H).

Meneruskan dasar perpaduan negara.

Akhir sekali adalah informan mencadangkan agar dasar yang telah dibangunkan oleh kerajaan berkaitan dengan perpaduan dalam negara terus diteruskan dengan jayanya.

“Meneruskan sifat sifat integrasi terhadap dasar dasar utama negara sebagaimana yang pernah dilakukan.” (Informan H).

KESIMPULAN

Kesimpulannya menunjukkan masyarakat Melayu di media sosial majoritinya memahami bahawa kontrak sosial adalah kata sepakat antara orang Melayu dan bukan Melayu. Semua informan bersetuju bahawa kontrak sosial memang wajar dikekalkan dan tiada istilah wajar atau tidak wajar kerana ianya berbentuk persefahaman bersama dan satu bentuk proses sosial yang positif. Pelbagai cadangan yang dicadangkan dalam penyatupaduan masyarakat pelbagai kaum di Malaysia

PENGHARGAAN

Artikel kajian ini adalah hasil sebahagian daripada geran penyelidikan pembinaan indeks pengetahuan, pemahaman dan penghayatan kontrak sosial dalam Perlembagaan Persekutuan di Malaysia. Kod Penyelidikan: FRGS/1/2019/SS06/USIM/03/2.

RUJUKAN

- Abd. Manaf Hj Ahmad. (2009). *Kontrak sosial*. Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Ikhsan, S. A. H., & Ahmad, S. (2014). Kontrak Sosial Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Lisan: Tinjauan Terhadap Perspektif Pelajar. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 134(May), 276–282. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2014.04.249>
- Mohd Rizal Yaakop, & Shamrahayu A.Aziz. (2014). *Kontrak Sosial : Perlembagaan Persekutuan 1957 Pengikat Jati Diri Bangsa Malaysia Merdeka*. ITBM.